

BETAVAL CREAM

Betamethasone valerate (0.1 % w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Betaval Cream
2. Bagaimana Betaval Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Betaval Cream
4. Cara menggunakan Betaval Cream
5. Semasa menggunakan Betaval Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Betaval Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Betaval Cream

Betaval Cream membantu mengurangkan kemerahan, bengkak, kegatalan yang disebabkan oleh masalah kulit seperti ekzema, dermatitis, psoriasis, selaran matahari dan kerengsaan lain, termasuk di sekitar alat kelamin.

Bagaimana Betaval Cream berfungsi

Betaval Cream mengandungi betamethasone sebagai bahan aktif, iaitu kortikosteroid. Ia membantu mengurangkan keradangan dan gatal-gatal.

Sebelum menggunakan Betaval Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan Betaval Cream :
- jika anda alah (hipersensitif) kepada betamethasone valerate atau mana-mana bahan lain dalam ubat ini (tertera dalam Maklumat Lanjut)
 - pada kanak-kanak di bawah satu tahun.
 - anda mempunyai jangkitan bakteria, virus atau sebarang jangkitan yang lain
 - anda mempunyai keadaan kulit yang menipis.

- Sebelum mula mengambil

Gunakan dengan berhati-hati pada:

- kanak-kanak dan remaja

Kehamilan dan Menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Tidak diketahui sama ada Betaval Cream dirembeskan ke dalam susu ibu atau tidak, oleh itu, elakkan menyapu pada payudara sebelum menyusui.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Betaval Cream

-Berapa banyak harus digunakan

Sapukan topikal.

Sapukan secara nipis pada kawasan kulit yang terjejas.

- Bila perlu digunakan

Dewasa : Satu hingga tiga kali sehari.

Kanak-kanak: Sekali sehari

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Betaval Cream untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor.

Sekiranya tiada perubahan pada jangkitan dalam tempoh 2-4 minggu, sila jumpa dengan doktor / ahli farmasi anda semula.

-Jika terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Betaval Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa bersihkan kulit sebelum menggunakan krim.

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Betaval Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Betaval Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan terkena pada mata.

Elakkan penggunaan berterusan atau dalam jangka masa yang panjang, terutamanya pada kanak-kanak.

Gunakan dengan berhati-hati jika digunakan bersama pembalut kedap air/udara, termasuk lampin dan juga pada lipatan kulit kerana ia boleh

BETAVAL CREAM

Betamethasone valerate (0.1 % w/w)

meningkatkan penyerapan dan risiko berlaku kesan sampingan.

Pastikan bekas sentiasa tertutup.
Lindungi daripada cahaya dan beku.

Jika anda perlu berhenti menggunakan krim, lakukan secara beransur-ansur untuk mengelakkan masalah kulit berlaku kembali.

Penggunaan yang berpanjangan boleh menyebabkan perubahan pada kulit, dan menyebabkan kulit menjadi lebih sensitif.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Betaval Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Peningkatan paras gula dalam darah.
- Gula dalam air kencing.
- Ketidakseimbangan hormon.
- Rasa terbakar, gatal, atau kerengsaan.
- Kekeringan kulit.
- Keradangan folikel rambut.
- Pertumbuhan rambut berlebihan.
- Jerawat.
- Perubahan warna kulit (tompok cerah pada kulit)
- Ruam di sekitar mulut.
- Reaksi alahan kulit
- Kulit menjadi terlebih lembut atau kerosakan kulit akibat lembapan yang berpanjangan (*maceration*).
- Penipisan kulit.
- Tanda regangan.
- Ruam haba.
- Peningkatan risiko jangkitan sekunder pada kulit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan KesanAdvers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my/Consumers → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*.

Cara penyimpanan dan pelupusan Betaval Cream

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering dan dingin di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim putih, yang licin.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Bethamethasone valerate

-Bahan tidak aktif

Chlorocresol, Cetomacrogol 1000, White soft paraffin, Cetostearyl alcohol, Air, Sodium metabisulfite, Liquid paraffin, Sodium phosphate monobasic.

- Nombor MAL:

MAL20012724AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Noripharma Sdn. Bhd.
Lot 5030, Jalan Teratai,
5 ½ Miles off Jalan Meru
41050 Klang, Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

07/04/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)210225/00012